

Abdullah: UMNO - BN masih perlukan pimpinan Mahathir

TAIPING 20 April — Anggota UMNO dan Barisan Nasional masih memerlukan kepimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, kata Naib Presiden UMNO Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata, anggota UMNO tidak mahu beliau digantikan dan Majlis Tertinggi UMNO juga telah menyatakan sokongan sebulat suara kepada kepimpinan beliau.

Beliau berkata spekulasi Perdana Menteri berundur selepas pilihanraya umum kelak hanyalah dicituskan oleh pihak yang gemar membuat andaian berdasarkan sejarah pilihanraya umum negara pada masa lepas.

Mereka meramalkan jika pilihanraya umum kali ini diadakan lebih awal daripada tempoh sepatutnya, kepimpinan parti dan negara akan mengalami perubahan tidak lama lagi, katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Bukit Gantang di Cangkat Jering hari ini.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata spekulasi itu tidak dapat dite-

Sejarah negara ini juga, kata beliau, membuktikan proses dan sistem pilihanraya negara diadakan secara paling demokratik, adil dan terhormat.

Mengenai pilihanraya umum akan datang, beliau berkata, BN dan UMNO khususnya tidak gentar menghadapinya kerana rekod perkhidmatan cemerlang serta bertanggungjawabnya selama ini jelas terbukti dan diterima oleh rakyat.

“Oleh itu biarpun seratus kali lagi pilihanraya umum diadakan UMNO dan BN akan terus menang,” katanya diiringi dengan tepukan bergemuruh para perwakilan.

Tidak ada helah yang digunakan untuk memenangi pilihanraya kerana kerajaan yang memerintah sedar bahawa pilihanrayalah yang dapat menggambarakan sambutan rakyat terhadap dasar dan rancangan yang dijalankan oleh kerajaan, kata beliau.

Pilihanraya juga menunjukkan penerimaan sebenar sokongan rakyat kepada kerajaan dan kerajaan akan mengatasi kelemahan yang ada untuk memperbaiki prestasinya.